



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : MUHAMMAD NASRUL BIN ABDUL RAHIM

Jabatan /
Bahagian : BAHAGIAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : 60 Tip Mengembara. Persediaan Sebelum Bermusafir.

Tempat
terbitan : Telaga Biru Sdn Bhd

Penerbit : Telaga Biru Sdn Bhd

Jumlah muka
surat : 150 muka surat

Tahun terbitan : 2013

Sasaran umur
pembaca : 21 tahun dan ke atas.

Komen fizikal

- Sebuah buku yang bersaiz kecil (15cm x 15cm).
- Saiznya yang kecil menjadikan ianya mudah untuk dibawa ke mana sahaja.
- Penggunaan warna serta grafik yang menarik pada muka hadapan dan belakang buku ini memberi daya tarikan kepada pembaca.
- Rekaan grafik yang santai pada buku ini juga memberi daya penarik kepada pembaca.

Positif : Buku ini sangat istimewa kerana ianya memberi panduan serta bimbingan kepada golongan yang pertama kali ingin mengembara ke destinasi yang asing bagi mereka. Bagi mereka yang sudah biasa mengembara juga boleh membaca buku untuk dijadikan sebagai ilmu tambahan. Malah buku ini juga sangat memberi manfaat bagi pengembara yang beragama Islam untuk menjadi pengembara Muslim yang sejati.

Negatif	: Tiada
Kelebihan	: Kelebihan yang ada pada buku ini adalah : • Saiz buku ini yang kecil dan mudah dibawa ke mana sahaja. • Setiap panduan dan bimbingan yang diberikan mudah difahami. • Bagi mereka yang beragama Islam, buku ini juga banyak memberikan manfaat dari segi pengurusan ibadah semasa kita mengembara dan bermusafir. • Harga buku ini juga berpatutan iaitu RM15.00 sahaja.
Luahan rasa	: Secara peribadi selepas saya membaca buku ini saya berasa ingin cuba mengembara ke destinasi yang asing bagi diri saya. Saya tidak pernah cuba untuk mengembara atau bermusafir ke tempat lain selain hanya pulang ke kampung halaman sebelum ini. Buku ini memberi panduan dan bimbingan yang sangat padat iaitu bermula dari persediaan sebelum untuk mengembara/ bermusafir, ketika mengembara/ bermusafir, dan selepas mengembara/ bermusafir.
Ulasan	: Buku ini mempunyai lima (5) bahagian yang secara umumnya memberi panduan dan bimbingan iaitu: • Bahagian 1 – Persediaan Sebelum Mengembara • Bahagian 2 – Di Lapangan Terbang Dan Di Dalam Kapal Terbang • Bahagian 3 – Ketika Berada Di Tempat Orang Atau Di Destinasi • Bahagian 4 – Sesudah Selesai Mengembara • Bahagian 5 – Penutup Dalam Bahagian 1 penulis mengajak pembaca untuk melihat tip mengenai perkara-perkara yang perlu dirancang apabila seseorang itu ingin bermusafir, mengembara atau melancong. Ada perkara-perkara yang kita anggap remeh dalam persediaan sebelum mengembara tetapi sebenarnya sangat besar manfaatnya kepada kita. Dalam Bahagian 2, penulis memberi tip serta peringatan semasa berada di lapangan terbang dan di dalam kapal terbang. Antaranya seperti kita perlu berada di lapangan terbang tiga (3) jam awal sebelum berlepas bagi penerbangan antarabangsa, jangan membawa bahan-bahan terlarang di dalam pesawat, memahami karenah birokrasi di lapangan terbang yang perlu kita tangani dengan sabar, dan keterampilan diri juga menjadi faktor kepada syak wasangka pihak berkuasa di lapangan terbang. Dalam Bahagian 3 pula, penulis memberi tip mengenai apa yang perlu dibuat apabila pengembara atau pelancong telah berada di tempat yang dilawati atau destinasi. Tip ini juga ditujukan kepada musafir (pengembara) solo dan berkumpulan. Antaranya tipnya adalah seperti menjaga tingkah laku, pelajari perbualan bahasa orang tempatan, berhati-hati apabila berada di tempat awam, berbelanja secara berhemah, berhati-hati mengambil gambar, makanlah makanan yang halal (bagi muslim), pilihlah restoran yang berdekatan dengan masjid, masak makanan sendiri, melawat kedai buku, melawat masjid, pilih pengangkutan yang efisien, lapor kepada pihak berwajib jika berlaku kecemasan, dan belilah cenderamata yang menarik untuk dijadikan koleksi. Dalam Bahagian 4 iaitu sesudah selesai mengembara, bahagian ini memerihalkan tindakan yang boleh diambil oleh musafir, pengembara, atau pelancong setelah pengembaraan hampir tamat. Ini termasuklah mengemas dan

menyemak barang-barang dan beg supaya tidak tertinggal, menyemak sama ada beg lebih muatan, menyemak baki wang yang ada, menyemak passport dan lain-lain yang penting dalam pengembaraan.

Bahagian 5 adalah penutup kepada buku ini iaitu merumuskan bahawa buku ini telah memberi penerangan 60 tip yang sangat menyeluruh ketika bermusafir atau mengembara terutama untuk dijadikan panduan kepada setiap musafir, pengembara dan pelancong.

Secara keseluruhannya saya ingin mengajak orang ramai yang merancang untuk mengembara tidak kira mereka baru pertama kali ingin mengembara atau pun sudah biasa mengembara untuk membeli buku ini kerana ianya sangat memberi manfaat kepada mereka. Saya boleh memberi jaminan mereka tidak akan berasa rugi membeli buku ini, malah selepas membaca buku ini pasti mereka akan kongsi kepada orang lain seperti apa yang saya lakukan sekarang.

Gambar Buku :

